

Khamis – 10 Oktober 2019

Halaman : 10

Orang asli serah RM15,000

**Serah wang
daripada
syarikat
pembalakan
kepada SPRM**

NORMAWATI ADNAN

IPOH

Sebanyak 10 keluarga orang asli dari Kampung Lawai, Sungai Siput semalam menyerahkan wang berjumlah RM15,000 kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang didakwa diterima daripada syarikat pembalakan minggu lalu.

Wang tersebut dipercaiayi diberikan kepada kumpulan masyarakat orang asli itu sebagai 'sagu hati' agar tiada bantahan dibuat penduduk terhadap aktiviti pencerobohan yang

dijalankan sejak Julai lalu. Wakil penduduk, Mat Seri Pandak berkata, terdapat sekurang-kurangnya 30 keluarga menerima pembeiran wang itu dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM40,000.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM400 hingga RM470 diberikan kepada setiap orang dewasa dan RM50 kepada kanak-kanak.

Menurutnya, wang tersebut diedarkan melalui satu sampul oleh wakil penduduk pada satu mesyuarat yang diadakan di Dewan Adat Kampung Lawai pada 3 Oktober lalu.

"Kami dimaklumkan wang ini sagu hati daripada pembalak yang bersetuju memberikan sebanyak RM80,000 kepada penduduk kampung untuk satu blok balak.

"Sekiranya projek tersebut tidak disita kerajaan, maka sebanyak RM40,000 lagi akan diberikan kepada penduduk," katanya pada



Mat Seri Pandak (empat dari kiri) dan Shazni (empat dari kanan) bersama sebahagian penduduk Kampung Lawai, Sungai Siput di hadapan Pejabat SPRM Perak semalam.

sidang media di hadapan Pejabat SPRM Perak di sini semalam.

Beliau berkata, satu laporan polis berhubung perkara itu telah dibuat di Balai Polis Simpang Jalong pada Isnin lalu.

"Ada wakil-wakil keluarga yang tidak mahu menerima wang tersebut tetapi terpaksa mengambilnya untuk menjaga hati

penduduk lain.

"Kami yang rasa tidak senang dengan perkara ini bersetuju dan bersepakat untuk mengembalikan wang tersebut melalui bantuan SPRM dengan harapan satu siasatan dapat dijalankan."

"Kami sama sekali tidak menyokong penerokaan dan aktiviti pembalakan dilakukan di kawasan ber-

kenaan," katanya.

Sementara itu, Pegawai Lapangan Persatuan Aktivis Sahabat Alam (Kuasa), Shazni Rashid berkata, satu surat bantahan terhadap aktiviti pembalakan di kawasan berkenaan telah dihantar ke Pejabat Menteri Besar Perak.

Menurutnya, ia memohon campur tangan kerajaan Perak pada Sep-

tember lalu.

Namun, katanya, aktiviti pembalakan itu masih berterusan sehingga memberi kesan terhadap hasil hutan dan pencemaran Sungai Korbu yang menjadi sumber air utama penduduk.

"Kerajaan negeri juga tidak maklumkan sama ada projek itu dibenarkan atau tidak dan ketika kami mohon satu perbincangan dibuat, timbul pula isu pemberian wang sagu hati kepada penduduk," katanya.

Dalam pada itu, Pengarah Perhutanan Perak, Datuk Mohamed Zin Yusop pula berkata, pihaknya belum menerima sebarang laporan berkaitan pemberian wang sagu hati berkenaan.

"Saya tiada maklumat mengenai perkara ini."

"Bagaimanapun, kita akan semak sebaik sahaja menerima laporan berkenaan," katanya.